

03 AUG 1999

BILIK GERAKAN PILIHAN RAYA BN KEDAH BEROPERASI SEPENUHNYA

ALOR SETAR, 3 Ogos (Bernama) -- Semua bilik gerakan pilihan raya Barisan Nasional (BN) di seluruh negeri Kedah beroperasi sepenuhnya sejak dua hari lepas sebagai persiapan menghadapi pilihan raya umum yang akan diadakan pada bila-bila masa sekarang.

Pengerusi Bilik Gerakan Pilihan raya BN negeri Ahmad Lebai Sudin berkata bilik-bilik gerakan terbabit telah menyusun sesi penerangan di kawasan masing-masing dan sedang mempergiatkan lagi aktiviti menemui anggota parti dan pengundi.

"Kita telah pun bersiap sedia lebih awal...dan akan menghantar laporan penuh kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) tidak lama lagi," kata.

Beliau mengulas arahan Dr Mahathir di Ipoh semalam yang mahukan jentera BN keluar menemui pengundi mulai sekarang kerana masa bagi pilihan raya umum semakin suntuk dan Perdana Menteri mahu laporan penuh "pertemuan rakyat dan pengundi" diserahkan kepadanya.

-- BERNAMA

MN RON